

Usul yang dicadangkan

BERIKUT adalah usul yang dicadangkan oleh Perdana Menteri;

Perdana Menteri akan mencadangkan: **MENGIKUT** Peraturan Mesyuarat 27 (3) Dewan Rakyat, saya dengan ini mengemukakan sebuah usul yang berbunyi seperti berikut: **BAHAWA**, masyarakat antarabangsa khasnya rakyat Malaysia merasa kecewa di atas penggunaan veto oleh pihak Russia terhadap draf Resolusi Majlis Keselamatan S/1994/1358 bertarikh 2 Disember 1994 yang dapat menyekat penghantaran barang-barang haram daripada sampai ke tangan pihak Serb di Bosnia Herzegovina serta Croatia;

BAHAWA, kesengsaraan penduduk awam di Bosnia Herzegovina khasnya di kawasan-kawasan selamat terus berlaku kerana tiada perbekalan yang berterusan;

BAHAWA, kegagalan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu mengambil tindakan tegas telah menyebabkan pihak Serb melakukan 'genocide' dan 'ethnic cleansing' secara berterusan tanpa perikemanusiaan;

BAHAWA, tindakan Russia itu boleh diertikan sebagai mustahak kepada satu pihak yang sedang mencabul hak asasi manusia.

DENGAN ini mengambil ketetapan seperti berikut: (1) Mengutuk pendirian Russia menggunakan veto menyekat laluan draf Resolusi Majlis Keselamatan yang boleh memberi ketenteraman kepada rakyat Bosnia yang tertindas; (2) Menggesa Russia sebagai ahli tetap Majlis Keselamatan dan ahli 'Western Contact Group' untuk mengubah pendekatan negatifnya serta tidak menggalak dan membe-rangsangkan lagi tindakan ganas pihak Serb di Bosnia Herzegovina. (3) Meminta disampaikan resolusi ini kepada semua Parlimen negara yang berkenaan khasnya kepada Parli-men Russia; dan (4) Menyeru lain-lain Parli-men mengambil tindakan positif dan mengu-bah sikap mereka supaya lebih adil.